

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kerugian yang dialami industri pelancongan di negeri Sabah akibat insiden penculikan yang tidak terkawal, khususnya dalam tempoh 6 bulan pertama dalam tahun ini, di mana berlaku sekurang-kurangnya satu kes pencerobohan dan penculikan hampir setiap bulan.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah, kesan dari kes penculikan yang berlaku di pantai timur Sabah telah mengakibatkan pembatalan pakej pelancongan yang melibatkan seramai **31,599 orang** pelancong bagi tempoh lawatan bulan April sehingga hujung tahun 2014.

Namun dari segi prestasi ketibaan pelancong bagi tempoh Januari hingga Julai, 2014, Negeri Sabah masih menunjukkan peningkatan sebanyak **2.8 peratus**, iaitu dengan ketibaan seramai **1.9 juta** orang berbanding seramai **1.8 juta** orang pada tempoh yang sama pada 2013. Ketibaan pelancong bagi tempoh ini turut menjana pendapatan pelancongan sebanyak **RM 3.7 bilion** melalui perbelanjaan untuk penginapan, makanan, pengangkutan, hiburan, membeli belah dan lain-lain perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.